

Harga maksimum ayam RM8.90 sekilogram, harga telur kekal

Mesyuarat NACCOL fokus penyelesaian jangka pendek atasi tekanan kenaikan harga

Oleh Saiful Haizan Hasam dan Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menetapkan harga maksimum runcit bagi ayam standard RM8.90 sekilogram berkuat kuasa 5 Februari hingga 5 Jun ini, pengurangan sebanyak 20 sen daripada harga siling semasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata harga telur ayam semua gred pula kekal seperti harga kawalan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) semasa.

Di bawah SHMKM, harga runcit sebiji telur ayam di Semenanjung ialah 44 sen (Gred A), 42 sen (Gred B) dan 40 sen (Gred C), manakala harga di Sabah, Sarawak dan Labuan pula bergantung kepada kawasan.

"Pelaksanaan kedua-dua harga berkenaan berkuat kuasa pada 5 Februari sehingga 5 Jun 2022," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Mengenai Industri Pengeluaran Makanan di Putrajaya, semalam.

Mesyuarat berkenaan membincangkan isu bekalan dan pengeluaran makanan, terutama ayam dan telur ayam serta mem-

fokuskan kepada penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan tekanan kenaikan harga.

Katanya, kerajaan akan memberi subsidi bagi memastikan harga barangan dapat dikawal seperti SHMKM dengan perinciannya akan dilakukan Pasukan Khas Mengenai Kos Sara Hidup Negara, diketuai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta beberapa kementerian, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan persatuan pengguna sehingga harga kembali stabil.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat turut memutuskan permit import (AP) ayam bulat dibuka kepada semua pemegang AP bagi mengimport ayam, berbanding sebelum ini yang hanya membenarkan mereka mengimport keratan ayam seperti kepak, paha dan lain-lain.

"Mesyuarat juga bersetuju AP mengimport ayam dibuka kepada pengusaha pasar raya besar. Mesyuarat turut mengarahkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) membuat siasatan sekiranya wujud kartel dalam pakatan menentukan harga ayam dan telur," katanya menambah, Kementerian Kewangan pula diminta mengkaji insentif cukai untuk transformasi ladang ayam.

Perdana Menteri turut memaklumkan, pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang membabitkan 222 kawasan Parlimen perlu dilaksanakan secara maksimum dengan kerjasama bersepadu kementerian-kementerian berkaitan bagi membantu Keluarga Malaysia mendapatkan barangan asas pada harga lebih murah.

Beliau berkata, pelaksanaan Kedai Harga Patut juga perlu



Ismail Sabri mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Mengenai Industri Pengeluaran Makanan di Putrajaya, semalam. (Foto ihsan PMO)

diaktifkan semula di seluruh negara, manakala kekerapan operasi pasar tani di satu-satu kawasan perlu ditambah.

Selain itu, katanya, permohonan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh sudah dibuka secara berperingkat mulai 28 Januari lalu, manakala koperasi terbabit dalam industri pertanian akan turut dibabitkan untuk menawarkan barangan asas tanpa membabitkan orang tengah bagi tujuan mengawal harga.

Perdana Menteri menjelaskan, mesyuarat NACCOL turut membincangkan langkah jangka pan-

jang mengurangkan tekanan kenaikan harga, antaranya menyokong penyelidikan dilaksanakan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi menjadikan isi rong sawit pengganti jagung dan soya sebagai makanan ayam.

Katanya, kerajaan negeri turut dicadang untuk memanjangkan tempoh penggunaan tanah di bawah lesen pendudukan sementara (TOL) bagi aktiviti pertanian.

"Mesyuarat berkenaan turut membincangkan jaminan bekalan makanan bukan hanya mencukupi, tetapi kemampuan Ke-

luarga Malaysia untuk membelinya. Pelan tindakan jangka panjang ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam mesyuarat NACCOL akan datang," katanya.

Dalam mesyuarat semalam yang turut dihadiri Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), empat kertas dibentangkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Pengangkutan.